

29/07/2004

Show Jumping Piala Dunia di Kuala Lumpur

By Mohd Ali Majid

SETELAH berjaya menganjurkan Kejohanan KL Grand Prix 2003 di Kuala Lumpur Malaysia kini bersedia untuk menganjurkan satu lagi kejohanan bertaraf dunia iaitu Kejohanan Akhir Show Jumping Piala Dunia pada tahun 2006.

Persekutuan Equestrian Antarabangsa (FEI) sudah memberi lampu hijau kepada Malaysia untuk menganjurkan kejohanan terulung di dunia itu berikutan kejayaan menganjurkan Kejohanan Grand Prix Kuala Lumpur 2003 yang pertama kali diadakan di Asia, Oktober tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Majlis Ekuin Malaysia, Datuk Mahamad Fathil Datuk Mahmood, berkata pihaknya sudah dimaklumkan oleh badan dunia itu dan sedia menganjurkannya.

"Kita diberi penghormatan menganjurkan kejohanan berkenaan berikutan dengan kejayaan negara menganjurkan kejohanan Grand Prix Kuala Lumpur 2003," katanya pada sidang media sempena kejohanan show jumping Piala Perdana 2004 di Bukit Kiara semalam.

Katanya, ini adalah julung kali kejohanan akhir Show Jumping Piala Dunia itu diadakan di rantau Asia dengan 100 peserta handalan beraksi pada kejohanan yang setaraf dengan bola sepak Piala Dunia itu.

"Selain menjadi penganjur Kejohanan Akhir Show Jumping Piala Dunia, Malaysia sekali lagi akan menganjurkan kejohanan Grand Prix Kuala Lumpur yang setaraf dengan perlumbaan F1 di Kuala Lumpur pada 1-4 Oktober ini," katanya.

Sementara itu hadiah wang tunai berjumlah RM90,000 menunggu pemenang dalam Kejohanan Show Jumping Piala Perdana 2004 di Bukit Kiara Resort Berhad, Kuala Lumpur bermula hari ini hingga Ahad.

Kejohanan yang dianggap terbaik ini diadakan sejak tahun 1991 adalah Kumpulan ARL sempena sambutan hari jadi Perdana Menteri ketika itu Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi kejohanan yang juga Pengerusi Kumpulan ARL, Abdul Razak Latif, berkata di samping merayakan ulang tahun hari jadi bekas Perdana Menteri itu, kejohanan itu juga bertujuan mempromosikan sukan berkuda terutama di kalangan remaja.

Katanya, seramai 127 peserta dengan 158 kuda dari dalam dan luar negara telah mengesahkan penyertaan dalam kejohanan empat hari itu.

Menerusi kejohanan ini juga peminat sukan berkuda dapat menyaksikan jaguh handalan daripada negara seperti Thailand, Hong Kong, Filipina, Singapura, Indonesia dan jaguh-jaguh negara bertarung dalam pelbagai acara yang diadakan.

Antara mereka yang telah mengesahkan penyertaan termasuk jaguh negara yang tidak asing lagi seperti ekuin adik beradik Quzier Ambak, Qabil Ambak dan Quzandria Nur, Syed Omar Almohdzhar, Eric Koh dan Ruzailina ZainalAbidin.

Sementara itu penunggang remaja pula antara lain termasuk Azni Azar, Mohd Azry, Rayani Abdul Razak, Nurlin Saleh dan Lea Tan.

Di samping itu, kejohanan ini juga menjadi pentas kepada ekuin berkenaan melayakkan diri ke kejohanan akhir Piala Dunia 2004 yang akan diadakan di Milan, Itali pada hujung tahun ini.

Ia juga menjadi gelanggang kepada Persatuan Equestrian Malaysia (EAM) untuk memilih ekuin yang bakal membawa cabaran negara Sukan Sea Manila 2005 dan Sukan Asia 2006 di Doha, Qatar.

Jaguh negara, Syed Omar Almohdzhar sanggup pulang dari Jerman khusus untuk turut serta dalam kejohanan ini untuk mengambil bahagian dalam liga

Piala Dunia Asia Tenggara siri pertama yang dijalankan dalam kejohanan ini.

Katanya, selama berada di Jerman setelah menamatkan pengajian dalam jurusan ekonomi dia telah menyertai tidak kurang 55 kejohanan sepanjang tahun ini dan terbaru di Decke di mana dia menduduki tempat keempat kejohanan yang terbesar di negara berkenaan.

Selain mengharap untuk mewakili Asia Tenggara pada final Piala Dunia tahun ini, Syed Omar juga memperkemas diri untuk mewakili negara pada Grand Prix KL 2004 dan seterusnya Sukan Sea dan Sukan Asia 2006.

(END)